

21 JUL 2000

Moggie-Perpaduan

SIKAP MELAMPAU AKAN ROSAKKAN NEGARA, KATA MOGGIE

KUCHING, 21 Julai (Bernama) -- Rakyat Sarawak hendaklah sentiasa mengamalkan sikap kesederhanaan kerana sikap yang melampau dalam agama dan kaum akan menghancurkan perpaduan dan kemakmuran yang telah dibina selama ini.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie berkata negara ini hanya akan dapat dibangunkan sekiranya rakyat terus mengamalkan sikap sederhana dan mempertahankan perpaduan.

"Perhubungan antara kaum dan antara penganut pelbagai agama sentiasa baik, kita berharap keadaan ini sentiasa berkekalan dan menjadi tanggungjawab rakyat Sarawak memastikan ini terpelihara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Pekerja Telekom Sarawak di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas bahawa kerajaan sedang mengawal di negeri ini kerana terdapat pihak yang cuba menimbulkan perasaan benci di kalangan orang bukan Islam terhadap orang Islam.

"Perasaan itu berada pada peringkat yang dapat dibendung dan saya berharap tidak akan berlaku tindakan yang membawa keburukan," katanya.

Mengenai keadaan di Kanowit yang mana ada pihak mengatakan mereka yang berasal dari Semenanjung tidak berani keluar ke pasar kerana masyarakat tempatan mendendam mereka berikutan kematian anggota pasukan gerak khas Mathew anak Medan dalam peristiwa rompakan bersenjata di Perak baru-baru, Moggie berkata beliau tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara itu.

Moggie, yang juga anggota Parlimen Kanowit, berkata beliau akan ke Kanowit petang ini untuk melihat sendiri keadaan di sana dan memastikan tiada sebarang peristiwa buruk berlaku ke atas sesiapa atau mana-mana pihak.

"Saya berharap tiada yang tidak baik akan berlaku dan rakyat harus terus mengekalkan hubungan baik," katanya.

Sementara itu, seorang pegawai di Pejabat Daerah Kanowit ketika dihubungi berkata pejabat itu tidak menerima sebarang laporan adanya puak tertentu yang mendendami orang Semenanjung.

-- BERNAMA

MT AHH AKD